

RM120,000 bagi kerja baik pulih bumbung pangsapuri

KUALALUMPUR:Sebanyak RM120,000 diperuntuk bagi kerja-kerja baik pulih bumbung Pangsapuri Putra Ria di sini yang rosak akibat kejadian ribut pada Sabtu lepas.

Ahli Parlimen Lembah Pantai Fahmi Fadzil berkata pihaknya juga akan berbincang dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh bagi menyegerakan kerja-kerja baik pulih itu.

“Kita lihat kerja untuk baik pulih bagi kedua-dua blok ini dijangka menelan belanja sekurang-kurangnya RM120,000 dan saya akan berbincang dengan Datuk Bandar petang ini untuk segerakan kerja-kerja baik pulih. Saya harap kerja-kerja dapat dimulakan sesegera mungkin, kalau boleh kita nak mulakan esok tapi saya perlu adakan perbincangan sedikit dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk penyelarasan daripada segi penggunaan peruntukan itu,” katanya. — Bernama